



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KEMISKINAN PELBAGAI DIMENSI MULTIDIMENSIONAL POVERTY 2024

Pemakluman

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung **dari 5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch (ODW)*, mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Announcement

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the top position globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by *Open Data Watch (ODW)*, surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users’ analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Diterbit dan dicetak oleh / *Published and printed by:*

Jabatan Perangkaan Malaysia

Department of Statistics Malaysia

Blok C6 & C7, Kompleks C,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,

62514 Putrajaya,

MALAYSIA

Tel. : 03-8885 7000

Faks / Fax : 03-8888 9248

Portal : <https://www.dosm.gov.my>

Facebook/ X / : StatsMalaysia

Instagram/ Youtube

Emel/ Email : info@dosm.gov.my (pertanyaan umum/*general enquiries*)
data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data/*data request & enquiries*)

Harga/ Price : RM 30.00

Diterbitkan pada Februari 2026/ *Published in February 2026*

Hakcipta terpeliharal/ All right reserved.

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau dengan alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia.

Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”

No part of this publication may be reproduced or distributed in any form or by any means or stored in data base without the prior written permission from Department of Statistics, Malaysia.

Users reproducing content of this publication with or without adaptation should quote the following:

“Source: Department of Statistics, Malaysia”

ISBN xxx-xxx-xxx-xxx-x

KATA PENGANTAR

Penerbitan Kemiskinan Pelbagai Dimensi membentangkan pengukuran kemiskinan dalam konteks yang lebih luas iaitu melibatkan aspek bukan kewangan seperti kesihatan, pendidikan dan taraf hidup. Statistik berkaitan indeks kemiskinan pelbagai dimensi yang diterbitkan dalam penerbitan ini adalah berdasarkan konsep dan garis panduan daripada *Multidimensional Poverty Measurement and Analysis*, yang diterbitkan oleh *Oxford Poverty and Human Development Initiative (OPHI)* pada 2015.

Penerbitan ini boleh digunakan terutamanya oleh agensi kerajaan sebagai input dalam perancangan, pembentukan dan pemantauan rancangan pembangunan negara khususnya bagi dasar-dasar berkaitan inklusiviti dan bantuan sosial. Selain itu, statistik ini boleh digunakan oleh ahli ekonomi, ahli akademik, pihak swasta dan individu bagi tujuan penyelidikan dan analisis.

Penerbitan ini meliputi empat bahagian utama. Bahagian pertama memaparkan konsep MPI, kaedah MPI global dan ringkasan penemuan MPI di Malaysia. Manakala, bahagian kedua mengandungi artikel yang berkaitan dengan indikator pendapatan sebagai dimensi malaysia dan kesan perubahan parameter pengukuran MPI. Bahagian ketiga mengandungi jadual statistik terperinci mengenai insiden Isi Rumah Miskin Pelbagai Dimensi (H), nilai Indeks MPI serta peratusan mengikut setiap indikator MPI. Penerangan aspek teknikal seperti konsep, definisi dan metodologi MPI disediakan di bahagian ketiga bagi membantu pengguna lebih memahami statistik yang diterbitkan.

DOSM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menyumbang secara langsung dan tidak langsung dalam merealisasikan penerbitan ini. Setiap maklum balas dan cadangan daripada semua pihak untuk tujuan penambahbaikan penerbitan ini pada masa akan datang amat dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Ketua Perangkawan Malaysia

Februari 2026

PREFACE

The publication of Multidimensional Poverty presents a broader context of measuring poverty, encompassing non-financial dimensions such as education, health and living standards. The statistics on multidimensional poverty index published in this publication is based on the concepts and guidelines from Multidimensional Poverty Measurement and Analysis, published by Oxford Poverty and Human Development Initiative (OPHI) in 2015.

This publication can be particularly useful for government agencies as input in planning and monitoring of national development strategies, especially those related to inclusivity and social assistance. Additionally, these statistics can be utilised by economists, academics, private entities and individuals for research and analysis purposes.

This publication contains four main parts. The first part presents the concept of Multidimensional Poverty Index (MPI), the global MPI method and a summary of MPI findings in Malaysia. Meanwhile, the second part contains articles box related to the income indicator as a Malaysian dimension and the effects of changes in MPI measurement parameters. The third part provides detailed statistical tables on the incidence of Multidimensionally Poor Households (H), the MPI value, and the percentage distribution by each MPI indicator. Technical aspects such as the concept, definition and methodology of MPI are provided in the third part to help users to better understand the statistics published.

DOSM gratefully acknowledges the cooperation rendered by all parties who have contributed directly and indirectly in realising this publication. Every feedback and suggestion from all parties towards improving this publication in the future are highly appreciated.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Chief Statistician of Malaysia

February 2026

ISI KANDUNGAN

CONTENTS

	Muka Surat <i>page</i>
Kata Pengantar <i>Preface</i>	iii
Isi Kandungan <i>Contents</i>	v
Senarai Jadual <i>List of Tables</i>	vi
Ringkasan Penemuan <i>Summary of Findings</i>	5
Artikel <i>Article box</i>	33
Jadual Statistik <i>Statistical Tables</i>	53
Nota Teknikal <i>Technical Notes</i>	61
Singkatan <i>Abbreviations</i>	81
Rujukan <i>References</i>	85

SENARAI JADUAL
LIST OF TABLES

Jadual <i>Tables</i>		Muka Surat <i>Page</i>
1	Insiden Isi Rumah Miskin Pelbagai Dimensi (H) mengikut Negeri, 2019, 2022 dan 2024 <i>Incidence of Multidimensionally Poor Households (H) by State, 2019, 2022 and 2024</i>	55
2	Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI) dan Peratusan mengikut Indikator, Malaysia, 2019, 2022 dan 2024 <i>Multidimensional Poverty Index (MPI) and Percentage by Indicator, Malaysia, 2019, 2022 and 2024</i>	56
3	Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI) dan Peratusan mengikut Indikator serta Negeri, 2024 <i>Multidimensional Poverty Index (MPI) and Percentage by Indicator and State, 2024</i>	57

The background of the page features a large, white, rounded rectangular shape in the center. This shape is framed by teal-colored wavy borders at the top and bottom. The top border consists of a dark teal outer layer and a lighter teal inner layer. The bottom border also has a dark teal outer layer and a lighter teal inner layer. The overall design is clean and modern.

RINGKASAN PENEMUAN

SUMMARY OF FINDINGS

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

This page is deliberately left blank




KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA


INDEKS KEMISKINAN PELBAGAI DIMENSI



INDEKS KEMISKINAN PELBAGAI DIMENSI MENGIKUT STRATA



INDEKS KEMISKINAN PELBAGAI DIMENSI MENGIKUT INDIKATOR



Indeks 0.0000 merujuk kepada kurang daripada setengah unit terkecil yang ditunjukkan. Misalnya, indeks kurang daripada 0.00005

Sumber: Kemiskinan Pelbagai Dimensi, Malaysia 2024, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



@StatsMalaysia

BANI 26
BANKI EKONOMI 2026
DATA NADI EKONOMI RAKYAT

MALAYSIA
MADANI
kesejahteraan

ODIN
OPEN DATA INVENTORY
MALAYSIA
KEMIPAT PERTANGGAH
DI DUNIA


20 OKTOBER
2024

2016 - 2030




MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA


MULTIDIMENSIONAL POVERTY INDEX



MULTIDIMENSIONAL POVERTY INDEX BY STRATA



MULTIDIMENSIONAL POVERTY INDEX BY INDICATOR



An index of 0.0000 refers to a value of less than half of the smallest unit shown. For example, an index of less than 0.00005
Source: Multidimensional Poverty, Malaysia 2024, Department of Statistics Malaysia (DOSM)



@StatsMalaysia

BANI 26
BANCI EKONOMI 2026
DATA NADI EKONOMI RAKYAT

MALAYSIA MADANI
kesejahteraan

ODIN
OPEN DATA INVENTORY
MALAYSIA
NUMBER ONE
IN THE WORLD

20 October

2016 - 2030

A. PENGENALAN

Kemiskinan merupakan isu global dan menjadi cabaran kepada sesebuah negara dalam memastikan rakyat dapat menjalani kehidupan yang lebih selesa. Kemiskinan bukan sahaja berkait rapat dengan kekurangan dari aspek kewangan, malah aspek lain seperti pendidikan, kesihatan, taraf hidup, sosial dan perkembangan teknologi yang mempengaruhi kehidupan individu dan komuniti. Pada kebiasaannya, kemiskinan dikaitkan dengan kewangan. Namun demikian, terdapat juga keperluan untuk menilai kemiskinan dari sudut bukan kewangan.

Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (*Multidimensional Poverty Index*, MPI) dibangunkan oleh *Oxford Poverty and Human Development Initiative* (OPHI) pada tahun 2010. Ia digunakan secara meluas sebagai ukuran perbandingan rentas negara bagi kemiskinan pelbagai dimensi. Indeks ini memberikan gambaran tentang ketersisihan yang dialami oleh individu atau isi rumah dalam pelbagai aspek kehidupan. MPI merupakan pengukuran yang versatil dan boleh disesuaikan dengan pelbagai pilihan dimensi, indikator, garis ketersisihan dan wajaran selaras dengan matlamat dan keperluan penggunaannya.

Walaupun kemiskinan berasaskan pendapatan kekal sebagai komponen penting dalam menilai kesejahteraan, MPI menekankan bahawa kemiskinan juga tercermin melalui bentuk ketersisihan bukan pendapatan yang memberi kesan langsung kepada keupayaan (*capabilities*) dan kualiti hidup. MPI menggantikan Indeks Kemiskinan Manusia (HPI) yang dibangunkan pada tahun 1997 (*Human Development Report*, 2010). HPI mengukur tiga dimensi utama iaitu kadar kematian (jangka hayat), pengetahuan dan taraf hidup keseluruhan (akses kepada sumber), manakala MPI mengukur tiga dimensi iaitu pendidikan, kesihatan dan taraf hidup di peringkat global. Dalam konteks Malaysia, pengiraan MPI mengambil kira dimensi pendidikan, kesihatan, taraf hidup dan pendapatan yang mula diperkenalkan pada tahun 2016.

MPI menjadi pelengkap kepada pengukuran kemiskinan kewangan dengan mengenal pasti tahap ketersisihan rakyat merentasi pelbagai dimensi bukan kewangan supaya dapat dijadikan asas kepada pelaksanaan program pembasmian kemiskinan yang lebih komprehensif. Penerbitan ini akan memperincikan insiden isi rumah miskin pelbagai dimensi (H), purata skor ketersisihan isi rumah pelbagai dimensi (A) dan MPI bagi setiap negeri dan strata. Selain itu, peratus ketersisihan bagi setiap indikator juga dikenal pasti untuk keperluan pihak berkaitan.

B. KONSEP KEMISKINAN PELBAGAI DIMENSI

1. Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI)

Kemiskinan pelbagai dimensi diukur untuk mengenal pasti jumlah isi rumah yang mengalami ketersisihan dan memberikan gambaran yang lebih jelas tentang ketersisihan isi rumah mengikut dimensi dan indikator tertentu. MPI juga boleh digunakan untuk mengkaji ketersisihan dan kesan kemiskinan kepada kumpulan populasi yang lebih kecil. Seseorang individu atau isi rumah lazimnya dikenal pasti sebagai miskin pelbagai dimensi apabila mengalami ketersisihan dalam sekurang-kurangnya satu pertiga ($1/3$) daripada jumlah indikator berwajaran.

2. Insiden Isi Rumah Miskin Pelbagai Dimensi (H)

Insiden isi rumah miskin pelbagai dimensi (H) merujuk kepada nisbah bilangan isi rumah yang mengalami ketersisihan pelbagai dimensi berbanding jumlah keseluruhan isi rumah. Nilai H dipengaruhi oleh garis kemiskinan pelbagai dimensi (k); apabila k ditetapkan lebih rendah, lebih ramai isi rumah akan melepasi garis kemiskinan dan nilai H cenderung meningkat, manakala k yang lebih tinggi lazimnya menyebabkan nilai H menurun.

3. Purata Skor Ketersisihan Isi Rumah Miskin Pelbagai Dimensi (A)

Purata skor ketersisihan isi rumah miskin pelbagai dimensi (A) ialah purata jumlah skor ketersisihan berwajaran yang dialami oleh isi rumah yang diklasifikasikan sebagai miskin pelbagai dimensi. Nilai A dipengaruhi oleh garis kemiskinan pelbagai dimensi (k), dan sesuatu isi rumah dikategorikan miskin pelbagai dimensi apabila skor ketersisihannya sama atau melebihi k.

C. MPI GLOBAL

Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI) Global ialah pengukuran kemiskinan pelbagai dimensi antarabangsa yang meliputi lebih daripada 100 negara membangun. Ia menjadi pelengkap kepada pengukuran kemiskinan sedia ada dengan mengambil kira ketersisihan dalam kesihatan, pendidikan dan taraf hidup yang dihadapi oleh isi rumah. Struktur pengukuran MPI Global adalah seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1: Dimensi, Indikator, Garis Ketersisihan dan Wajaran MPI Global

Dimensi	Indikator	Garis Ketersisihan	Wajaran
Kesihatan (1/3)	Nutrisi	Individu di bawah umur 70 tahun dengan maklumat pemakanan yang kurang berkhasiat.	1/6
	Kadar kematian kanak-kanak	Isi rumah dengan kematian kanak-kanak di bawah 18 tahun telah meninggal dunia dalam tempoh lima tahun sebelum tinjauan.	1/6
Pendidikan (1/3)	Jumlah tahun persekolahan	Tiada ahli isi rumah telah menamatkan persekolahan selama enam tahun.	1/6
	Kehadiran ke sekolah	Kanak-kanak umur bersekolah tidak hadir ke sekolah sehingga umur di mana dia perlu menamatkan kelas 8.	1/6
Taraf Hidup (1/3)	Bahan api memasak	Isi rumah memasak menggunakan bahan api pepejal, seperti najis, tanaman pertanian, pokok renek, kayu, arang atau arang batu.	1/18
	Sanitasi	Isi rumah mempunyai kemudahan sanitasi yang belum ditambah baik atau tiada kemudahan sanitasi atau ditambah baik tetapi dikongsi dengan	1/18
	Air minuman	Sumber air minuman isi rumah tidak selamat atau air minuman selamat mengambil masa 30 minit atau lebih lama dengan berjalan kaki dari rumah, (ulang alik).	1/18
	Elektrik	Isi rumah tidak mempunyai bekalan elektrik.	1/18
	Perumahan	Isi rumah mempunyai bahan binaan yang tidak mencukupi dalam mana-mana tiga komponen: lantai, bumbung atau dinding.	1/18
	Aset	Isi rumah tidak memiliki lebih daripada satu aset ini: radio, TV, telefon, komputer, kereta haiwan, basikal, motosikal atau peti sejuk dan tidak memiliki kereta atau trak.	1/18

Sumber: *Oxford Poverty and Human Development Initiative (OPHI)*

D. Metodologi dan Penambahbaikan Berkala

Metodologi MPI bersifat fleksibel dan boleh disesuaikan mengikut konteks melalui pemilihan indikator, garis ketersisihan dan wajaran yang bersesuaian, termasuk untuk menyokong agenda *Sustainable Development Goals* (SDG). MPI Global disemak pada 2018, namun bagi analisis trend, set indikator yang diselaraskan digunakan merentasi masa supaya perbandingan kekal konsisten.

1. Kebolehbandingan Mengikut Tempoh Masa

Perubahan indikator dan penambahbaikan instrumen survei dari semasa ke semasa boleh menyukarkan perbandingan MPI merentasi tempoh masa. Bagi menangani isu ini, OPHI menggunakan ukuran trend diselaraskan yang hanya melibatkan indikator yang wujud dalam semua survei. Walaupun liputannya terhad, pendekatan ini memberi gambaran yang lebih stabil tentang arah perubahan kemiskinan pelbagai dimensi.

2. Dimensi dan Indikator MPI bagi Negara Berpendapatan Pertengahan Atas, Pertengahan Bawah dan Rendah

Bank Dunia mengkategorikan negara kepada empat kumpulan pendapatan iaitu berpendapatan tinggi, pertengahan atas, pertengahan bawah dan rendah. Kategori ini ditentukan berdasarkan data Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita dalam dolar Amerika. Dimensi MPI nasional mengikut pengelasan berdasarkan pendapatan adalah seperti di **Jadual 2**.

Jadual 2: Dimensi MPI bagi Negara Berpendapatan Pertengahan Atas,
Pertengahan Bawah dan Rendah

Negara	Kesihatan	Pendidikan	Taraf Hidup	Pendapatan	Persekitaran	Keselamatan Sosial	Perumahan/Perkhidmatan Asas	Pekerjaan	Keselamatan Makanan	Kejutan	Habitat
Pendapatan Pertengahan Atas											
Iraq	/	/	/								
Jordan	/	/	/								
Malaysia	/	/	/	/							
Paraguay		/			/	/	/				
Thailand	/	/	/								
Pendapatan Pertengahan Bawah											
Viet Nam	/	/	/								
Angola	/	/	/					/			
Bhutan	/	/	/								
Filipina	/	/	/								
Kemboja	/	/	/								
El Salvador	/	/					/	/	/		/
Mesir	/	/	/								
India	/	/	/								
Ghana	/	/	/								
Indonesia	/	/	/								
Nepal	/	/	/								
Pakistan	/	/	/								
Palestin	/	/						/			
Sri Lanka	/	/	/								
Pendapatan Rendah											
Afghanistan	/	/	/					/		/	
Bangladesh	/	/	/								
Burundi	/	/	/								
Ivory-Coast	/	/	/								
Kenya	/	/	/								

Sumber: Multidimensional Poverty Peer Network (MPPN)

3. Dimensi, Indikator, Wajaran dan MPI Nasional Negara Terpilih

Pendekatan Alkire-Foster yang menjadi asas MPI biasanya disesuaikan semula untuk pembangunan MPI nasional yang lebih mencerminkan keadaan dan keperluan semasa negara serta bergantung kepada ketersediaan data. Penyesuaian ini mengambil kira ketersediaan data garis kemiskinan, garis ketersisihan dan perbezaan dari segi kuantiti dan kepentingan setiap dimensi dan indikator dalam mengukur MPI negara masing-masing. Contoh dimensi dan indikator MPI nasional yang digunakan oleh negara terpilih adalah seperti di **Jadual 3**.

Jadual 3: Dimensi, Indikator, Wajaran dan MPI Nasional mengikut negara

Negara	Dimensi	Indikator	Wajaran	MPI (Tahun)
ASEAN				
Indonesia	Kesihatan	Nutrisi anak di bawah 5 tahun	1/10	0.030 (2021)
		Mempunyai penyakit atau bilangan penyakit dalam populasi	1/10	
	Pendidikan	Penglibatan ke sekolah	1/10	
		Tempoh persekolahan	1/10	
	Perumahan	Atap, lantai dan dinding	1/10	
		Kepadatan dalam rumah	1/10	
	Keperluan asas	Air minuman	1/15	
		Bahan bakar memasak	1/15	
		Sanitasi	1/15	
	Perlindungan sosial dan penyertaan	Akta kelahiran	1/10	
		Internet	1/10	
Thailand	Pendidikan	Tahun Pendidikan	1/12	0.068 (2017)
		Kehadiran lewat	1/12	
		Hidup bersama ibu bapa	1/12	
	Kesihatan	Air minuman	1/12	
		Menjaga diri sendiri	1/12	
		Kemiskinan makanan	1/12	
	Keadaan hidup	Pelupusan sampah	1/12	
		Akses internet	1/12	
		Pemilikan asset	1/12	
	Keselamatan kewangan	Simpanan	1/12	
		Beban kewangan	1/12	
		Pencen	1/12	

Negara	Dimensi	Indikator	Wajaran	MPI (Tahun)
ASEAN				
Filipina	Pendidikan	Kehadiran sekolah	1/8	0.104 (2016)
		Pencapaian Pendidikan	1/8	
	Kesihatan	Kelaparan	1/12	
		Penggunaan makanan	1/12	
		Insuran kesihatan	1/12	
	Perumahan, air dan sanitasi	Tandas	1/24	
		Aset	1/24	
		Air	1/24	
		Pegangan	1/24	
		Bahan perumahan	1/24	
		Elektrik	1/24	
	Pekerjaan	Pengangguran	1/8	
		Anak bekerja tidak bersekolah	1/8	
Viet Nam	Pendidikan	Pendidikan dewasa	1/10	0.040 (2016)
		Kehadiran ke sekolah	1/10	
	Kesihatan	Akses kepada penjagaan kesihatan	1/10	
		Insurans kesihatan	1/10	
	Perumahan	Kualiti perumahan	1/10	
		Kawasan perumahan	1/10	
	Taraf hidup	Air yang selamat	1/10	
		Tandas yang bersih	1/10	
	Akses terhadap maklumat	Penggunaan komunikasi perkhidmatan	1/10	
		Akses kepada maklumat	1/10	
Bukan ASEAN				
India	Kesihatan	Nutrisi	1/6	0.066 (2019)
		Kesihatan ibu	1/12	
		Kematian kanak-kanak & remaja	1/12	
	Pendidikan	Jumlah tahun persekolahan	1/6	
		Kehadiran sekolah	1/6	
	Taraf hidup	Bahan api memasak	1/21	
		Sanitasi	1/21	
		Air minuman	1/21	
		Perumahan	1/21	
		Elektrik	1/21	
		Aset	1/21	
Akaun bank		1/21		

E. KEPENTINGAN MPI UNTUK MENANGANI ISU KEMISKINAN

MPI menyediakan gambaran yang lebih menyeluruh tentang kemiskinan kerana ia membolehkan penguraian (*disaggregation*) mengikut pelbagai ciri seperti bandar dan luar bandar, wilayah subnasional, jantina serta kumpulan umur. Keupayaan ini menyokong prinsip '*Leave no one behind*' dengan membantu mengenal pasti kumpulan yang paling memerlukan intervensi dan seterusnya menilai keberkesanan program dari semasa ke semasa.

Dalam masa yang sama, setiap negara mempunyai ruang untuk menyesuaikan dimensi, indikator, wajaran serta garis ketersisihan berdasarkan keutamaan pembangunan, konteks budaya, struktur ekonomi, tahap pemodenan dan ketersediaan data. Oleh itu, penentuan MPI di peringkat nasional wajar mencerminkan realiti setempat agar ukuran kemiskinan yang dihasilkan lebih relevan dalam menangani isu kemiskinan.

F. DAPATAN MPI MALAYSIA

Penentuan pembentukan dimensi, indikator dan garis ketersisihan dalam pengiraan MPI selaras dengan objektif pembangunan sosioekonomi di Malaysia serta ketersediaan data Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA). Tiga dimensi dan 10 indikator telah dipilih sebagai ukuran secara holistik kemiskinan pelbagai dimensi di Malaysia. Secara keseluruhan, dapatan antara tahun menunjukkan bahawa penurunan MPI Malaysia daripada tahun 2022 ke tahun 2024 berlaku bersama penurunan sumbangan mutlak bagi kebanyakan indikator utama, khususnya dalam kesihatan dan sebahagian indikator taraf hidup.

1. MPI mengikut Strata

Berdasarkan **Jadual 4**, di peringkat nasional, insiden isi rumah miskin pelbagai dimensi, (H) menurun daripada 0.94 peratus pada 2022 kepada 0.65 peratus pada 2024. Purata skor ketersisihan, (A) turut menurun daripada 39.66 peratus kepada 38.39 peratus. Sejajar dengan itu, nilai MPI nasional menurun daripada 0.0037 kepada 0.0025. Dapatan ini menunjukkan pengurangan serentak bilangan isi rumah miskin pelbagai dimensi dan intensiti ketersisihan dalam kalangan isi rumah miskin.

Bagi strata bandar, insiden H kekal pada 0.03 peratus bagi kedua-dua tahun 2022 dan 2024. Ini menunjukkan bilangan isi rumah miskin pelbagai dimensi di bandar adalah sangat kecil dan tidak berubah dalam tempoh tersebut. Walau bagaimanapun, purata skor ketersisihan, A meningkat daripada 36.07 peratus pada tahun 2022 kepada 38.25 peratus pada tahun 2024. Walaupun intensiti ketersisihan meningkat dalam kalangan

kumpulan kecil yang masih miskin, nilai MPI bandar kekal pada 0.0001 bagi kedua-dua tahun. Ini bermakna perubahan A di bandar tidak mengubah kedudukan MPI secara keseluruhan kerana H berada pada paras yang amat rendah.

Sebaliknya, bagi strata luar bandar, insiden H menurun dengan ketara daripada 4.12 peratus pada tahun 2022 kepada 2.85 peratus pada tahun 2024. Purata skor ketersisihan, A di luar bandar juga menurun daripada 39.75 peratus kepada 38.39 peratus. Penurunan kedua-dua H dan A ini menyebabkan nilai MPI luar bandar menurun daripada 0.0164 pada tahun 2022 kepada 0.0109 pada tahun 2024. Ini menunjukkan penambahbaikan di luar bandar bukan sahaja mengurangkan bilangan isi rumah miskin pelbagai dimensi, malah mengurangkan intensiti ketersisihan dalam kalangan isi rumah yang masih kekal miskin.

Secara perbandingan, jurang di antara bandar dan luar bandar kekal ketara pada kedua-dua tahun. Pada tahun 2022, MPI luar bandar (0.0164) jauh lebih tinggi daripada MPI bandar (0.0001). Pada tahun 2024, jurang ini masih besar apabila MPI luar bandar menurun kepada 0.0109 tetapi MPI bandar kekal pada 0.0001.

Jadual 4: Insiden Isi Rumah Miskin Pelbagai Dimensi dan Purata Skor Ketersisihan serta MPI mengikut Strata, 2022 dan 2024

Strata	Insiden Isi Rumah Miskin Pelbagai Dimensi, H (%)		Purata Skor Ketersisihan Isi Rumah Miskin Pelbagai Dimensi, A (%)		MPI	
	2022	2024	2022	2024	2022	2024
Nasional	0.94	0.65	39.66	38.39	0.0037	0.0025
Bandar	0.03	0.03	36.07	38.25	0.0001	0.0001
Luar bandar	4.12	2.85	39.75	38.39	0.0164	0.0109

2. MPI Malaysia mengikut Negeri

Berdasarkan **Jadual 5**, dua negeri dengan nilai MPI tertinggi iaitu Sarawak dan Sabah didorong oleh insiden H yang lebih besar berbanding negeri lain. Pada tahun 2022, Sarawak merekodkan nilai MPI sebanyak 0.0213, dengan H pada 5.49 peratus dan A pada 38.82 peratus, manakala Sabah merekodkan nilai MPI 0.0202, dengan H pada 4.95 peratus dan A pada 40.93 peratus. Pada tahun 2024, kedua-dua negeri menunjukkan penambahbaikan, namun masih kekal tertinggi. Sarawak merekodkan penurunan nilai MPI kepada 0.0159, disertai penurunan H kepada 4.20 peratus dan penurunan A kepada 37.96 peratus manakala Sabah, nilai MPI menurun kepada 0.0140, dengan H menurun kepada 3.62 peratus dan A menurun kepada 38.67 peratus. Secara keseluruhan, tumpuan dasar di negeri Sabah dan Sarawak wajar menekankan pengurangan keluasan kemiskinan

pelbagai dimensi (H), di samping memperkukuh intervensi yang mengurangkan intensiti ketersisihan (A).

Negeri Kelantan menunjukkan penambahbaikan yang menyeluruh dengan penurunan kedua-dua nilai H dan A. Pada tahun 2022, Kelantan merekodkan H pada 1.20 peratus, A pada 37.11 peratus, dan MPI 0.0044. Pada tahun 2024, H di Kelantan menurun kepada 0.61 peratus, A menurun kepada 34.90 peratus, dan MPI menurun kepada 0.0021. Penurunan serentak keluasan dan intensiti kemiskinan pelbagai dimensi ini menunjukkan kemiskinan pelbagai dimensi di Kelantan bukan sahaja semakin mengecil, malah menjadi kurang membimbangkan dalam kalangan isi rumah yang masih miskin.

Negeri Pahang memperlihatkan corak kesan *trade-off* kerana terdapat peningkatan intensiti ketersisihan walaupun MPI keseluruhan bertambah baik. Pada tahun 2022, Pahang merekodkan H pada 0.80 peratus, A pada 40.57 peratus, dan MPI 0.0032. Pada tahun 2024, H di Pahang menurun kepada 0.43 peratus dan MPI menurun kepada 0.0019, namun A meningkat kepada 44.39 peratus. Ini menunjukkan bahawa bilangan isi rumah miskin pelbagai dimensi berkurang, tetapi isi rumah yang masih kekal miskin pada 2024 mengalami ketersisihan yang lebih mendalam. Isi rumah yang kekal miskin pelbagai dimensi mungkin tertumpu pada indikator-indikator ketersisihan yang mempunyai wajaran yang tinggi berbanding indikator lain.

Negeri Johor dan Perak menunjukkan penambahbaikan yang ketara, khususnya melalui penurunan insiden H. Johor merekodkan H 0.14 peratus pada 2022, A 39.85 peratus dan MPI 0.0006; pada tahun 2024, H menurun kepada 0.02 peratus, A menurun kepada 38.89 peratus, dan MPI menurun kepada 0.0001. Perak pula merekodkan H 0.31 peratus pada tahun 2022, A 39.78 peratus dan MPI 0.0012; pada tahun 2024, H menurun kepada 0.02 peratus, A menurun kepada 38.89 peratus, dan MPI menurun kepada 0.0001. Secara ringkas, kedua-dua negeri memperlihatkan pengurangan kumpulan isi rumah miskin pelbagai dimensi, dengan pengurangan kecil pada intensiti ketersisihan.

Negeri Sembilan merupakan negeri yang menunjukkan kemerosotan relatif kerana kedua-dua H dan A meningkat. Pada tahun 2022, Negeri Sembilan merekodkan H pada 0.08 peratus, A pada 37.59 peratus, dan MPI 0.0003. Pada tahun 2024, H meningkat kepada 0.15 peratus, A meningkat kepada 42.22 peratus, dan MPI meningkat kepada 0.0006. Peningkatan serentak keluasan dan intensiti kemiskinan pelbagai dimensi ini wajar diberi perhatian kerana ia menunjukkan kemiskinan pelbagai dimensi bukan sahaja menjadi lebih meluas, malah lebih mendalam dalam kalangan isi rumah yang terjejas.

Jadual 5: Insiden Isi Rumah Miskin Pelbagai Dimensi, Purata Skor Ketersisihan dan MPI mengikut Negeri, 2022 dan 2024

Negeri	Insiden Isi Rumah Miskin Pelbagai Dimensi, H (%)		Purata Skor Ketersisihan Isi Rumah Miskin Pelbagai Dimensi, A (%)		MPI	
	2022	2024	2022	2024	2022	2024
Malaysia	0.94	0.65	39.66	38.39	0.0037	0.0025
Johor	0.14	0.02	39.85	38.89	0.0006	0.0001
Kedah	0.03	-	35.30	-	0.0001	-
Kelantan	1.20	0.61	37.11	34.90	0.0044	0.0021
Melaka	-	-	-	-	-	-
Negeri Sembilan	0.08	0.15	37.59	42.22	0.0003	0.0006
Pahang	0.80	0.43	40.57	44.39	0.0032	0.0019
Pulau Pinang	-	-	-	-	-	-
Perak	0.31	0.02	39.78	38.89	0.0012	0.0001
Perlis	-	-	-	-	-	-
Selangor	0.01	-	33.33	-	0.0000	-
Terengganu	0.07	-	36.91	-	0.0003	-
Sabah	4.95	3.62	40.93	38.67	0.0202	0.0140
Sarawak	5.49	4.20	38.82	37.96	0.0213	0.0159
W.P. Kuala Lumpur	-	-	-	-	-	-
W.P. Labuan	-	-	-	-	-	-
W.P. Putrajaya	-	-	-	-	-	-

3. Pencapaian dan Agihan Indikator kepada MPI

Berdasarkan **Jadual 6**, pecahan indikator MPI peringkat Malaysia, analisis antara tahun menunjukkan bahawa MPI nasional menurun daripada 0.0037 pada tahun 2022 kepada 0.0025 pada tahun 2024. Walaupun begitu, struktur sumbangan antara indikator memperlihatkan bahawa penurunan tersebut tidak berlaku secara sekata; sebahagian indikator menurun dari segi sumbangan mutlak (*absolute contribution*), namun ada yang meningkat dari segi sumbangan peratusan (*percentage contribution*) kerana indikator lain menurun dengan lebih pantas.

Jadual 6: Pecahan MPI mengikut Indikator di Malaysia, 2022 dan 2024

Dimensi	Indikator	Wajaran	MPI			
			Sumbangan Mutlak		Sumbangan Peratusan (%)	
			2022	2024	2022	2024
Pendidikan	Jumlah tahun persekolahan	1/6	0.0002	0.0001	6.60	4.63
	Kehadiran ke sekolah	1/6	0.0001	0.0001	3.20	3.24
Kesihatan	Akses kepada perkhidmatan kesihatan	1/6	0.0013	0.0009	34.03	34.19
	Akses kepada bekalan air bersih	1/6	0.0014	0.0010	37.88	40.65
Taraf Hidup	Keadaan tempat kediaman	1/18	0.0001	0.0001	2.39	2.37
	Kepadatan bilik	1/18	0.0001	0.0001	3.02	2.92
	Kemudahan tandas rumah	1/18	0.0000	0.0000	0.54	0.29
	Akses kepada kemudahan kutipan sampah	1/18	0.0004	0.0003	11.25	11.30
	Penggunaan kemudahan pengangkutan	1/18	0.0000	0.0000	0.39	0.21
	Akses kepada peralatan komunikasi asas	1/18	0.0000	0.0000	0.70	0.20
Jumlah		1	0.0037	0.0025	100.00	100.0

1) Pendidikan

Indikator jumlah tahun persekolahan menunjukkan penambahbaikan jelas dari segi sumbangan mutlak apabila nilainya menurun daripada 0.0002 pada tahun 2022 kepada 0.0001 pada tahun 2024. Selari dengan itu, sumbangan peratusan turut menurun daripada 6.60 peratus kepada 4.63 peratus, menandakan peranan indikator ini dalam membentuk MPI keseluruhan semakin mengecil.

Bagi Indikator kehadiran ke sekolah, sumbangan mutlak kekal pada 0.0001 bagi kedua-dua tahun. Namun, sumbangan peratusan meningkat sedikit daripada 3.20 peratus kepada 3.24 peratus. Peningkatan kecil ini lebih mencerminkan perubahan komposisi MPI (apabila jumlah MPI menurun) berbanding peningkatan masalah kehadiran ke sekolah kerana nilai mutlak yang tidak berubah.

2) Kesihatan

Bagi akses kepada perkhidmatan kesihatan, sumbangan mutlak menurun daripada 0.0013 (2022) kepada 0.0009 (2024), menunjukkan penambahbaikan dari segi intensiti ketersisihan berkaitan akses perkhidmatan. Walau bagaimanapun, sumbangan peratusan adalah hampir kekal, iaitu 34.03 peratus pada tahun 2022 dan 34.19 peratus pada tahun 2024. Walaupun indikator ini bertambah baik secara mutlak, ia masih kekal sebagai komponen besar dalam struktur MPI.

Bagi akses kepada bekalan air bersih, sumbangan mutlak turut menurun daripada 0.0014 kepada 0.0010. Namun, sumbangan peratusan meningkat ketara daripada 37.88 peratus kepada 40.65 peratus. Walaupun indikator air bersih bertambah baik dalam nilai mutlak, ia menjadi lebih dominan secara relatif kerana penurunan komponen-komponen lain berlaku dengan lebih cepat.

Kedua-dua indikator kesihatan ini menyumbang 71.91 peratus pada tahun 2022 dan meningkat kepada 74.84 peratus pada tahun 2024, menunjukkan bahawa penurunan MPI nasional banyak bergantung pada prestasi dua indikator kesihatan ini.

3) Taraf hidup

Sumbangan mutlak keadaan tempat kediaman kepada MPI kekal pada 0.0001 untuk kedua-dua tahun, manakala sumbangan peratusan menurun daripada 2.39 peratus kepada 2.37 peratus. Kepadatan bilik juga kekal pada sumbangan mutlak 0.0001, dengan sumbangan peratusan menurun daripada 3.02 peratus kepada 2.92 peratus.

Bagi kemudahan tandas rumah, sumbangan mutlak kekal pada 0.0000 bagi kedua-dua tahun, namun sumbangan peratusan menurun daripada 0.54 peratus kepada 0.29 peratus, selari dengan penambahbaikan relatif dan juga pengecilan bahagian indikator ini dalam MPI.

Bagi akses kepada kemudahan kutipan sampah, sumbangan mutlak menurun daripada 0.0004 kepada 0.0003, tetapi sumbangan peratusan meningkat daripada 11.25 peratus kepada 11.30 peratus. Ini menunjukkan bahawa indikator kutipan sampah bertambah baik secara mutlak, namun masih kekal sebagai komponen taraf hidup yang besar berbanding indikator lain.

Akhir sekali, indikator penggunaan kemudahan pengangkutan menunjukkan sumbangan mutlak kekal 0.0000, tetapi sumbangan peratusan menurun daripada 0.39 peratus kepada 0.21 peratus. Begitu juga indikator akses kepada peralatan komunikasi asas yang kekal pada 0.0000 secara mutlak, manakala sumbangan peratusan menurun daripada 0.70 peratus kepada 0.20 peratus. Kedua-dua indikator ini menunjukkan bahawa ketersisihan dalam komponen tersebut semakin kecil dan kurang mempengaruhi nilai MPI.

A. INTRODUCTION

Poverty is a global issue and poses a challenge to a country in ensuring that its people are able to live a more comfortable life. Poverty is not only closely associated with deprivation in financial aspects, but also with other aspects such as education, health, living standards, social conditions, and technological development that influence the lives of individuals and communities. Generally, poverty is associated with financial resources. However, there is also a need to assess poverty from a non-financial perspective.

The Multidimensional Poverty Index (MPI) was developed by the Oxford Poverty and Human Development Initiative (OPHI) in 2010. It is widely used as a cross-country comparative measure of multidimensional poverty. This index provides an overview of the deprivations experienced by individuals or households across various aspects of life. MPI is a versatile measure and can be tailored through different choices of dimensions, indicators, deprivation cut-offs, and weights in line with the objectives and needs of its application.

Although income-based poverty remains an important component in assessing well-being, MPI emphasizes that poverty is also reflected through non-income deprivations that have a direct impact on capabilities and quality of life. MPI replaced the Human Poverty Index (HPI) developed in 1997 (Human Development Report, 2010). HPI measured three main dimensions, that is mortality (life expectancy), knowledge, and overall living standards (access to resources), while MPI measures three dimensions at the global level, namely education, health, and living standards. In the Malaysian context, the calculation of MPI takes into account the dimensions of education, health, living standards, and income, which were first introduced in 2016.

MPI complements financial poverty measurement by identifying the level of deprivation experienced by the population across multiple non-financial dimensions, thereby providing a basis for implementing more comprehensive poverty eradication programmes. This publication present the incidence of multidimensionally poor households (H), the average multidimensional deprivation score among poor households (A), and the MPI for each state and stratum. In addition, the deprivation rates for each indicator are also reported to meet the needs of relevant stakeholders.

B. CONCEPT OF MULTIDIMENSIONAL POVERTY

1. Multidimensional Poverty Index (MPI)

Multidimensional poverty is measured to identify the number of households experiencing deprivation and to provide a clearer picture of household deprivation by specific dimensions and indicators. MPI can also be used to examine deprivation and the impacts of poverty on smaller population groups.

An individual or household is typically identified as multidimensionally poor when they experience deprivation in at least one-third (1/3) of the total weighted indicators.

2. Incidence of Multidimensionally Poor Households (H)

The incidence of multidimensionally poor households (H) refers to the proportion of households experiencing multidimensional deprivation relative to the total number of households. The value of H is influenced by the multidimensional poverty cut-off (k); when k is set lower, more households will surpass the poverty threshold and H tends to increase, whereas a higher k typically leads to a lower H.

3. Average Deprivation Score of Multidimensionally Poor Households (A)

The average deprivation score among multidimensionally poor households (A) is the mean total weighted deprivation score experienced by households classified as multidimensionally poor. The value of A depends on the multidimensional poverty cut-off (k), and a household is considered multidimensionally poor when its deprivation score is equal to or exceeds k.

C. GLOBAL MPI

*The Global Multidimensional Poverty Index (Global MPI) is an international measure of multidimensional poverty covering more than 100 developing countries. It complements existing poverty measures by accounting for household deprivations in health, education, and living standards. The structure of the Global MPI measurement is shown in **Table 1**.*

Table 1: Global MPI Dimensions, Indicators, Deprivation Cut-Off and Weights

Dimensions	Indicators	Deprivation Cut-off	Weighted
<i>Health (1/3)</i>	<i>Nutrition</i>	<i>Any person under 70 years of age for whom there is nutritional information is undernourished.</i>	<i>1/6</i>
	<i>Child mortality</i>	<i>A child under 18 has died in the household in the five-year period preceding the survey.</i>	<i>1/6</i>
<i>Education (1/3)</i>	<i>Years of schooling</i>	<i>No eligible household member has completed six years of schooling.</i>	<i>1/6</i>
	<i>School attendance</i>	<i>Any school-aged child is not attending school up to the age at which he/she would complete class 8.</i>	<i>1/6</i>
<i>Living standard (1/3)</i>	<i>Cooking fuel</i>	<i>A household cooks using solid fuel such as dung, agricultural crops, shrubs, wood, charcoal or coal.</i>	<i>1/18</i>
	<i>Sanitation</i>	<i>The household has unimproved or no sanitation facility or it is improved but shared with other households.</i>	<i>1/18</i>
	<i>Drinking water</i>	<i>The household's source of drinking water is not safe or safe drinking water is a 30-minute or longer walk from home, roundtrip.</i>	<i>1/18</i>
	<i>Electricity</i>	<i>The household has no electricity.</i>	<i>1/18</i>
	<i>Housing</i>	<i>The household has inadequate housing materials in any of the three components: floor, roof or walls.</i>	<i>1/18</i>
	<i>Assets</i>	<i>The household does not own more than one of these assets: radio, TV, telephone, computer, animal cart, bicycle, motorcycle or refrigerator and does not own a car or truck.</i>	<i>1/18</i>

Source: Oxford Poverty and Human Development Initiative (OPHI)

D. Methodology and Periodic Updates

The MPI methodology is flexible and can be adapted to context through the selection of indicators, deprivation cut-offs, and appropriate weights, including to support the Sustainable Development Goals (SDGs) agenda. The Global MPI was revised in 2018; however, for trend analysis, a harmonised set of indicators is applied over time to ensure comparisons remain consistent.

1. Comparability Over Time

Changes to indicators and periodic improvements to survey instruments can complicate MPI comparisons over time. To address this, OPHI uses a harmonised trend measure that includes only indicators available across all surveys. Although its coverage is limited, this approach provides a more stable picture of the direction of change in multidimensional poverty.

2. MPI Dimensions and Indicators for Upper-Middle, Lower-Middle, and Low-Income Countries

The World Bank classifies countries into four income groups: high-income, upper-middle-income, lower-middle-income, and low-income. These categories are determined based on Gross National Income (GNI) per capita data in US dollars. National MPI dimensions by income-based classification are shown in **Table 2**.

Table 2: MPI Dimensions for Upper-Middle Income, Lower-Middle Income and Low Income Countries

Country	Health	Education	Living standards	Income	Atmosphere	Security Social	Housing/ Basic Services	Job	Food Security	Shocks	Habitat
Upper-Middle Income											
Iraq	/	/	/								
Jordan	/	/	/								
Malaysia	/	/	/	/							
Paraguay		/			/	/	/				
Thailand	/	/	/								
Lower-Middle Income											
Viet Nam	/	/	/								
Angola	/	/	/					/			
Bhutan	/	/	/								
Philippines	/	/	/								
Cambodia	/	/	/								
El Salvador	/	/					/	/	/		/
Egypt	/	/	/								
India	/	/	/								
Ghana	/	/	/								
Indonesia	/	/	/								
Nepal	/	/	/								
Pakistan	/	/	/								
Palestine	/	/						/			
Sri Lanka	/	/	/								
Low Income											
Afghanistan	/	/	/					/		/	
Bangladesh	/	/	/								
Burundi	/	/	/								
Ivory-Coast	/	/	/								
Kenya	/	/	/								

Source: Multidimensional Poverty Peer Network (MPPN)

3. Dimensions, Indicators, Weights, and National MPI of Selected Countries

The Alkire–Foster approach that underpins MPI is often adapted when developing a national MPI to better reflect a country's current conditions and needs, and depending on data availability. Such adaptations consider the availability of poverty lines and deprivation cut-offs, as well as differences in the number and relative importance of each dimension and indicator in measuring a country's MPI. Examples of national MPI dimensions and indicators used by selected countries are shown in **Table 3**.

Table 3: Dimensions, Indicators, Weights and National MPI by Countries

Countries	Dimensions	Indicators	Weighted	MPI (Years)
ASEAN				
Indonesia	Health	Nutrition of children under 5 years old	1/10	0.030 (2021)
		Having a disease or the number of diseases in the population	1/10	
	Education	Involvement in school	1/10	
		School period	1/10	
	Housing	Roof, floor and walls	1/10	
		Density in house	1/10	
	Basic needs	Drinking water	1/15	
		Cooking fuel	1/15	
		Sanitation	1/15	
	Social protection and participation	Birth certificate	1/10	
		Internet	1/10	
Thailand	Education	Years of education	1/12	0.068 (2017)
		Late attendance	1/12	
		Living with parents	1/12	
	Health	Drinking water	1/12	
		Taking care of yourself	1/12	
		Food poverty	1/12	
	Living conditions	Garbage disposal	1/12	
		Internet access	1/12	
		Asset owner	1/12	
	Financial security	Savings	1/12	
		Financial burden	1/12	
		Pensions	1/12	
Philippines	Education	School attendance	1/8	

RINGKASAN PENEMUAN
SUMMARY OF FINDINGS

Countries	Dimensions	Indicators	Weighted	MPI (Years)	
ASEAN					
Philippines	Health and nutrition	Educational attainment	1/8	0.104 (2016)	
		Hunger	1/12		
		Food consumption	1/12		
		Health insurance	1/12		
	Housing, water and sanitation	Toilet	1/24		
		Assets	1/24		
		Water	1/24		
		Tenure	1/24		
		Housing materials	1/24		
		Electricity	1/24		
	Employment	Underemployment	1/8		
		Working children not in school	1/8		
Viet Nam	Education	Adult education	1/10	0.040 (2016)	
		School attendance	1/10		
	Healthcare	Access to healthcare	1/10		
		Health insurance	1/10		
	Housing	Housing quality	1/10		
		Housing area	1/10		
	Living conditions	Safe water	1/10		
		Hygienic latrine	1/10		
	Viet Nam	Access to information	Use of communication services		1/10
			Asser to access to information		1/10
Non ASEAN					
India	Health	Nutrition	1/6	0.066 (2019)	
		Maternal health	1/12		
		Child & adolescent mortality	1/12		
	Education	Years of schooling	1/6		
		School attendance	1/6		
	Standard of living	Cooking fuel	1/21		
		Sanitation	1/21		
		Drinking water	1/21		
		Housing	1/21		
		Electricity	1/21		
		Assets	1/21		
		Bank account	1/21		

E. THE IMPORTANCE OF THE MPI FOR POLICY ANALYSIS

The MPI provides a more comprehensive picture of poverty because it enables disaggregation by various characteristics such as urban and rural strata, subnational regions, gender, and age groups. This capability supports the principle of “Leave no one behind” by helping policymakers identify the groups most in need of intervention and subsequently assess the effectiveness of programmes over time.

At the same time, each country can tailor dimensions, indicators, weights, and deprivation cut-offs to its development priorities, local context, and data availability. A national MPI should therefore reflect local realities to ensure the measure is relevant for addressing poverty.

F. MPI MALAYSIA FINDINGS

The selection of dimensions, indicators, and deprivation cut-offs for Malaysia’s MPI is aligned with national socioeconomic development objectives and the availability of HIES/BA data. Three dimensions and 10 indicators were chosen to measure multidimensional poverty holistically in Malaysia. Overall findings show that the decline in Malaysia’s MPI from 2022 to 2024 occurred alongside a reduction in the absolute contribution of most key indicators, particularly in health and some living-standard indicators.

1. MPI by Strata

*Based on **Table 4**, at the national level, the incidence of multidimensionally poor households (H) declined from 0.94 per cent in 2022 to 0.65 per cent in 2024. The average deprivation score (A) also fell from 39.66 per cent to 38.39 per cent. Accordingly, the national MPI decreased from 0.0037 to 0.0025. These findings indicate a simultaneous reduction in both the number of multidimensionally poor households and the intensity of deprivation among poor households.*

For the urban stratum, H remained at 0.03 per cent in both 2022 and 2024, indicating that the number of multidimensionally poor households in urban areas was very small and unchanged over the period. However, A increased from 36.07 per cent in 2022 to 38.25 per cent in 2024. Despite the higher intensity of deprivation among the small group that remained poor, the urban MPI stayed at 0.0001 in both years. This implies that changes in A did not alter the overall urban MPI because H was extremely low.

In contrast, for the rural stratum, H fell markedly from 4.12 per cent in 2022 to 2.85 per cent in 2024. The average deprivation, A for rural also declined from 39.75 per cent to 38.39 per cent. The reduction in both H and A led to a drop in the rural MPI from 0.0164 in 2022 to 0.0109 in 2024. This shows that improvements in rural areas not only reduced the number of multidimensionally poor households, but also lowered the intensity of deprivation among those still classified as poor.

Comparatively, the gap between urban and rural areas remained substantial in both years. In 2022, the rural MPI (0.0164) was far higher than the urban MPI (0.0001). In 2024, the disparity persisted, with the rural MPI decreasing to 0.0109 while the urban MPI remained at 0.0001.

Table 4: Incidence of Multidimensionally Poor Households and Average Deprivation Score and MPI by Strata, 2022 and 2024

Strata	Incidence of Multidimensionally Poor Households, H (%)		Average Deprivation Score of Multidimensionally Poor Households, A (%)		MPI	
	2022	2024	2022	2024	2022	2024
National	0.94	0.65	39.66	38.39	0.0037	0.0025
Urban	0.03	0.03	36.07	38.25	0.0001	0.0001
Rural	4.12	2.85	39.75	38.39	0.0164	0.0109

2. MPI by State

*Based on **Table 5**, the two states with the highest MPI values, namely Sarawak and Sabah were driven by higher incidence (H) relative to other states. In 2022, Sarawak recorded an MPI of 0.0213, with H at 5.49 per cent and A at 38.82 per cent, while Sabah recorded an MPI of 0.0202, with H at 4.95 per cent and A at 40.93 per cent. In 2024, both states showed improvements but remained the highest. Sarawak's MPI declined to 0.0159, alongside a reduction in H to 4.20 per cent and A to 37.96 per cent, while Sabah's MPI fell to 0.0140, with H decreasing to 3.62 per cent and A to 38.67 per cent. Overall, policy focus in Sabah and Sarawak should prioritise reducing the extent of multidimensional poverty (H), while strengthening interventions that also reduce the intensity of deprivation (A).*

Kelantan showed broad-based improvement, with declines in both H and A. In 2022, Kelantan recorded H of 1.20 per cent, A of 37.11 per cent, and an MPI of 0.0044. In 2024, H fell to 0.61 per cent, A declined to 34.90 per cent, and MPI decreased to 0.0021. This simultaneous reduction in both the extent and intensity of multidimensional poverty indicates that

multidimensional poverty in Kelantan not only became less widespread, but also less severe among households that remained poor.

Pahang exhibited a trade-off pattern, where deprivation intensity increased despite overall MPI improvement. In 2022, Pahang recorded H of 0.80 per cent, A of 40.57 per cent, and an MPI of 0.0032. In 2024, H declined to 0.43 per cent and MPI decreased to 0.0019, but A rose to 44.39 per cent. This suggests that while fewer households were multidimensionally poor, those who remained poor in 2024 experienced deeper deprivation. These remaining households may have been concentrated in deprivation indicators with relatively higher weights.

Johor and Perak recorded marked improvements, particularly through reductions in H. Johor recorded H of 0.14 per cent in 2022, A of 39.85 per cent, and an MPI of 0.0006; in 2024, H fell to 0.02 per cent, A declined to 38.89 per cent, and MPI decreased to 0.0001. Perak recorded H of 0.31 per cent in 2022, A of 39.78 per cent, and an MPI of 0.0012; in 2024, H fell to 0.02 per cent, A declined to 38.89 per cent, and MPI decreased to 0.0001. In summary, both states saw a reduction in the multidimensionally poor household group, alongside small declines in deprivation intensity.

Negeri Sembilan showed a relative deterioration as both H and A increased. In 2022, Negeri Sembilan recorded H of 0.08 per cent, A of 37.59 per cent, and an MPI of 0.0003. In 2024, H rose to 0.15 per cent, A increased to 42.22 per cent, and MPI increased to 0.0006. This simultaneous rise in both the extent and intensity of multidimensional poverty warrants attention, as it indicates that multidimensional poverty became not only more widespread, but also more severe among affected households.

Table 5: Incidence of Multidimensionally Poor Household, Average Deprivation Score of Multidimensionally Poor Households and MPI by State, 2022 and 2024.

State	Incidence of Multidimensionally Poor Households, H (%)		Incidence of Multidimensionally Poor Households, H (%)		MPI	
	2022	2024	2022	2024	2022	2024
Malaysia	0.94	0.65	39.66	38.39	0.0037	0.0025
Johor	0.14	0.02	39.85	38.89	0.0006	0.0001
Kedah	0.03	-	35.30	-	0.0001	-
Kelantan	1.20	0.61	37.11	34.90	0.0044	0.0021
Melaka	-	-	-	-	-	-
Negeri Sembilan	0.08	0.15	37.59	42.22	0.0003	0.0006
Pahang	0.80	0.43	40.57	44.39	0.0032	0.0019
Pulau Pinang	-	-	-	-	-	-
Perak	0.31	0.02	39.78	38.89	0.0012	0.0001
Perlis	-	-	-	-	-	-
Selangor	0.01	-	33.33	-	0.0000	-
Terengganu	0.07	-	36.91	-	0.0003	-
Sabah	4.95	3.62	40.93	38.67	0.0202	0.0140
Sarawak	5.49	4.20	38.82	37.96	0.0213	0.0159
W.P. Kuala Lumpur	-	-	-	-	-	-
W.P. Labuan	-	-	-	-	-	-
W.P. Putrajaya	-	-	-	-	-	-

3. Indicator Performance and Contribution to the MPI

Based on **Table 6**, the indicator breakdown of Malaysia's MPI shows that the national MPI declined from 0.0037 in 2022 to 0.0025 in 2024. However, the contribution structure across indicators suggests the decline was not uniform: some indicators fell in absolute contribution, while others rose in percentage contribution because other indicators declined more rapidly.

Table 6: MPI Breakdown by Indicator in Malaysia, 2022 and 2024

Dimension	Indicator	Weightage	MPI			
			Absolute Contribution		Percentage Contribution (%)	
			2022	2024	2022	2024
Education	Year of schooling	1/6	0.0002	0.0001	6.60	4.63
	School attendance	1/6	0.0001	0.0001	3.20	3.24
Health	Access health services	1/6	0.0013	0.0009	34.03	34.19
	Accces clean water	1/6	0.0014	0.0010	37.88	40.65
Living standard	Condition of living quarters	1/18	0.0001	0.0001	2.39	2.37
	Room crowdedness	1/18	0.0001	0.0001	3.02	2.92
	Dwelling toilet facility	1/18	0.0000	0.0000	0.54	0.29
	Access to garbage collection facility	1/18	0.0004	0.0003	11.25	11.30
	Usage of transportation facilities	1/18	0.0000	0.0000	0.39	0.21
	Accces to basic communication facility	1/18	0.0000	0.0000	0.70	0.20
Total		1	0.0037	0.0025	100.00	100.0

1. Education

The years of schooling indicator showed clear improvement in absolute contribution, decreasing from 0.0002 in 2022 to 0.0001 in 2024. Consistently, its percentage contribution also declined from 6.60 per cent to 4.63 per cent, indicating that this indicator played a smaller role in shaping the overall MPI.

For the school attendance indicator, the absolute contribution remained at 0.0001 in both years. Nevertheless, its percentage contribution increased slightly from 3.20 per cent to 3.24 per cent. This marginal increase primarily reflects a compositional shift as the overall MPI declined, rather than a deterioration in school attendance, given that the absolute value did not change.

2. Health

For access to healthcare services, the absolute contribution decreased from 0.0013 (2022) to 0.0009 (2024), indicating improved deprivation intensity related to service access. However, the percentage contribution remained almost unchanged—34.03% in 2022 and 34.19 per cent in 2024—showing that this indicator continues to be a major component of the MPI structure.

For access to clean water supply, the absolute contribution also declined from 0.0014 to 0.0010. In contrast, the percentage contribution rose markedly from 37.88 per cent to 40.65 per cent. Although the clean water indicator improved in absolute terms, it became more dominant in relative terms because other components declined faster.

Together, these two health-related indicators contributed 71.91 per cent in 2022, increasing to 74.84 per cent in 2024, indicating that the national MPI reduction largely depended on the performance of these two indicators.

3. Living Standards

The absolute contribution of housing conditions to the MPI remained at 0.0001 in both years, while the percentage contribution edged down from 2.39 per cent to 2.37 per cent. Room crowdedness also stayed at an absolute contribution of 0.0001, with the percentage contribution declining from 3.02 per cent to 2.92 per cent.

For household toilet facilities, the absolute contribution remained at 0.0000 in both years, but the percentage contribution fell from 0.54 per cent to 0.29 per cent, consistent with relative improvement and a smaller share of this indicator in the MPI.

For access to waste collection services, the absolute contribution decreased from 0.0004 to 0.0003, while the percentage contribution rose slightly from 11.25 per cent to 11.30 per cent. This indicates absolute improvement, but the indicator remains a relatively large living-standards component compared with others.

Finally, the use of transport facilities recorded an unchanged absolute contribution of 0.0000, with the percentage contribution declining from 0.39 per cent to 0.21 per cent. Similarly, access to basic communication equipment remained at 0.0000 in absolute terms, while the percentage contribution dropped from 0.70 per cent to 0.20 per cent. Both indicators suggest that deprivation in these components has become smaller and less influential on the MPI value.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

This page is deliberately left blank

ARTIKEL

ARTICLE BOX

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

This page is deliberately left blank

Artikel 1: Pendapatan sebagai Dimensi MPI Malaysia

Latar belakang

MPI Global ialah ukuran kemiskinan pelbagai dimensi antarabangsa yang menilai ketersisihan isi rumah merentas tiga dimensi teras: pendidikan, kesihatan dan taraf hidup. Setiap dimensi diberi wajaran yang sama (1/3), dan dipecahkan kepada 10 indikator. Sesebuah isi rumah diklasifikasikan sebagai miskin pelbagai dimensi apabila skor ketersisihan berwajibannya mencapai atau melebihi satu pertiga daripada jumlah wajaran, dan nilai MPI dirumuskan sebagai $H \times A$, iaitu gabungan keluasan kemiskinan (insiden) dan intensiti ketersisihan dalam kalangan isi rumah miskin.

MPI bersifat fleksibel dari segi pemilihan dimensi, indikator, garis ketersisihan dan wajaran kerana ia direka untuk menyesuaikan pengukuran kemiskinan dengan realiti setempat serta keutamaan dasar sesebuah negara. Kebolehubahsuaian ini penting kerana corak ketersisihan tidak seragam antara negara, malah berbeza mengikut negeri, strata dan kelompok isi rumah dalam negara yang sama. Oleh itu, penambahan dimensi pendapatan boleh diterima sebagai satu penyesuaian metodologi yang berasaskan konteks Malaysia, iaitu untuk melengkapkan gambaran kemiskinan bukan pendapatan dengan komponen ketersisihan kewangan, tanpa menjejaskan fungsi MPI sebagai alat diagnostik pelbagai dimensi.

Dalam kerangka yang fleksibel ini, pendapatan boleh dipertimbangkan sebagai dimensi tambahan kerana ia menggambarkan keupayaan asas isi rumah untuk memenuhi keperluan minimum kehidupan, khususnya dalam persekitaran kos sara hidup yang sentiasa berubah. Walaupun MPI lazimnya menekankan indikator bukan kewangan, fungsi indikator pendapatan bukan bertujuan menggantikan dimensi tersebut, tetapi bertindak sebagai pelengkap bagi mengesan kumpulan isi rumah yang kekurangan sumber kewangan walaupun sebahagian indikator bukan kewangan kelihatan memadai. Dengan itu, MPI dapat mengurangkan risiko isi rumah yang berada di bawah tekanan kewangan sebenar tidak dikesan melalui indikator bukan kewangan semata-mata, terutama di kawasan yang mempunyai kemudahan asas lebih meluas tetapi kemampuan berbelanja dan daya tahan kewangan masih rendah.

Bagi tujuan pengenalanpastian ketersisihan pendapatan, penggunaan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) sebagai garis ketersisihan adalah wajar kerana PGK merupakan penanda aras rasmi yang dibangunkan berasaskan keperluan asas minimum, serta

digunakan secara meluas dalam pengukuran kemiskinan dan penentuan kelayakan program bantuan. Dengan menetapkan bahawa isi rumah dianggap tersisih apabila pendapatan isi rumah lebih rendah daripada nilai PGK, indikator ini menjadi jelas, telus dan mudah difahami orang awam.

Artikel ini menilai kesan kemasukan indikator pendapatan sebagai komponen tambahan kepada dimensi pendidikan, kesihatan dan taraf hidup, dengan takrifan bahawa isi rumah dianggap tersisih apabila pendapatan isi rumah kasar bulanan lebih rendah daripada PGK. Untuk perbandingan yang konsisten, garis kemiskinan pelbagai dimensi (k) dikekalkan pada 0.33 bagi struktur asal dan struktur alternatif (tambahan komponen pendapatan), manakala wajaran indikator diselaras bagi memasukkan pendapatan sebagai indikator baharu.

Reka bentuk wajaran dan implikasi kepada pengenalpastian isi rumah miskin

Dalam artikel ini, pendapatan diperuntukkan wajaran satu per empat; wajaran indikator lain disusun semula. Ketersisihan pendapatan memberi sumbangan skor yang besar tetapi masih memerlukan sekurang-kurangnya satu ketersisihan tambahan untuk melepasi garis kemiskinan 0.33. Maka, isi rumah yang tersisih bagi indikator pendapatan dan pada masa sama mempunyai ketersisihan dalam pendidikan atau kesihatan lebih berpotensi diklasifikasikan sebagai miskin pelbagai dimensi. Sebaliknya, sebahagian isi rumah yang sebelum ini miskin berdasarkan gabungan ketersisihan taraf hidup semata-mata berkemungkinan tidak lagi melepasi garis ketersisihan apabila wajaran indikator bukan kewangan menjadi lebih kecil. Oleh itu, secara hipotesisnya perubahan pengelasan bergantung pada tahap pertindihan antara kemiskinan pendapatan (PGK) dan ketersisihan bukan pendapatan.

Perubahan struktur MPI ini mempengaruhi tiga ukuran teras, iaitu insiden kemiskinan pelbagai dimensi (H), purata skor ketersisihan dalam kalangan isi rumah miskin (A), dan nilai MPI ($H \times A$). H boleh meningkat jika banyak isi rumah berada di bawah PGK dan turut mempunyai sekurang-kurangnya satu ketersisihan lain; atau menurun jika sebahagian isi rumah miskin asal tidak lagi melepasi garis kemiskinan akibat pelarasan wajaran. A boleh meningkat jika kumpulan miskin mempunyai pelbagai ketersisihan, atau menurun jika banyak isi rumah baharu hanya melepasi garis ketersisihan secara minimum.

Dapatan Pengiraan dengan Dimensi Pendapatan

Jadual 1: Indeks dan Peratusan MPI mengikut Indikator

Dimensi	Indikator	Wajaran		MPI mengikut Indikator							
		Simulasi	Asal	Sumbangan Mutlak				Sumbangan Peratusan (%)			
				Simulasi 2022	2022	Simulasi 2024	2024	Simulasi 2022	2022	Simulasi 2024	2024
Pendidikan	Jumlah tahun persekolahan	1/8	1/8	0.0001	0.0002	0.0001	0.0001	1.27	6.60	1.15	4.63
	Kehadiran ke sekolah	1/8	1/8	0.0002	0.0001	0.0001	0.0001	2.22	3.20	2.26	3.24
Kesihatan	Akses kepada perkhidmatan kesihatan	1/8	1/8	0.0007	0.0013	0.0003	0.0009	9.18	34.03	6.06	34.19
	Akses kepada bekalan air bersih	1/8	1/8	0.0011	0.0014	0.0008	0.0010	13.92	37.88	15.54	40.65
Taraf Hidup	Kedudukan tempat kediaman	1/24	1/18	0.0002	0.0001	0.0001	0.0001	2.48	2.39	2.13	2.37
	Kepadatan bilik	1/24	1/18	0.0004	0.0001	0.0003	0.0001	5.17	3.02	5.33	2.92
	Kemudahan tandas rumah	1/24	1/18	0.0000	0.0000	0.0000	0.0000	0.42	0.54	0.25	0.29
	Akses kepada kemudahan kutipan sampah	1/24	1/18	0.0006	0.0004	0.0004	0.0003	7.49	11.25	7.38	11.30
	Penggunaan kemudahan pengangkutan	1/24	1/18	0.0000	0.0000	0.0000	0.0000	0.21	0.39	0.05	0.21
	Akses kepada peralatan komunikasi asas	1/24	1/18	0.0000	0.0000	0.0000	0.0000	0.37	0.70	0.17	0.20
Pendapatan	Pendapatan bulanan kasar isi rumah	1/4	-	0.0045	-	0.0031	-	57.28	-	59.65	-
Jumlah		1	1	0.0079	0.0037	0.0051	0.0025	100.00	100.00	100.00	100.00

Daripada perspektif antara tahun, nilai MPI bagi struktur asal menurun daripada 0.0037 pada tahun 2022 kepada 0.0025 pada tahun 2024 (penurunan 0.0012). Bagi struktur pengiraan MPI dengan tambahan dimensi pendapatan, nilai MPI menurun daripada 0.0079 kepada 0.0051 (penurunan 0.0028). Perbezaan tahap ini menunjukkan bahawa apabila indikator pendapatan dimasukkan dengan wajaran satu per empat, magnitud MPI menjadi lebih besar dan struktur indeks lebih sensitif kepada komponen kewangan, di samping pelarasan wajaran indikator bukan kewangan.

Dari segi sumbangan mutlak (*absolute contribution*), penurunan MPI bagi struktur asal dipacu terutamanya oleh indikator kesihatan: sumbangan akses kepada perkhidmatan kesihatan menurun daripada 0.0013 (2022) kepada 0.0009 (2024), manakala akses kepada bekalan air bersih menurun daripada 0.0014 kepada 0.0010; masing-masing menurun sebanyak 0.0004. Penurunan lebih kecil turut berlaku bagi jumlah tahun persekolahan (0.0002 kepada 0.0001) dan akses kepada kemudahan kutipan sampah (0.0004 kepada 0.0003). Manakala bagi struktur alternatif pula, pemacu utama penurunan ialah indikator pendapatan, iaitu menurun daripada 0.0045 pada tahun 2022 kepada 0.0031 pada tahun 2024 (penurunan 0.0014), diikuti penurunan pada akses kepada perkhidmatan kesihatan (0.0007 kepada 0.0003, penurunan 0.0004) dan akses kepada bekalan air bersih (0.0011 kepada 0.0008, penurunan 0.0003), serta penurunan kecil pada kutipan sampah (0.0006 kepada 0.0004) dan kepadatan bilik (0.0004 kepada 0.0003).

Dari segi sumbangan peratusan (*percentage contribution*), struktur asal kekal dipengaruhi oleh komponen kesihatan. Pada tahun 2022, akses kepada perkhidmatan kesihatan menyumbang 34.03 peratus dan akses kepada bekalan air bersih 37.88 peratus; pada tahun 2024 sumbangan masing-masing 34.19 peratus dan 40.65 peratus, menjadikan akses kepada bekalan air bersih semakin dominan dalam struktur MPI asal walaupun nilai MPI menurun. Sebaliknya, struktur alternatif sangat tertumpu kepada pendapatan, dengan sumbangan peratus meningkat daripada 57.28 peratus (2022) kepada 59.65 peratus (2024). Dalam masa yang sama, sumbangan peratus akses kepada perkhidmatan kesihatan menurun daripada 9.18 peratus kepada 6.06 peratus, manakala air bersih meningkat daripada 13.92 peratus kepada 15.54 peratus.

Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan bahawa struktur asal mengekalkan naratif pengurangan MPI yang banyak bergantung pada penambahbaikan indikator kesihatan (khususnya akses kepada bekalan air bersih), manakala struktur alternatif mengalihkan sensitiviti indeks kepada perubahan kemiskinan pendapatan relatif kepada PGK. Kesimpulannya, pengukuran MPI dengan dimensi pendapatan memberikan pilihan kepada pengguna statistik MPI untuk membuat perbandingan dengan skop dimensi yang dihadkan kepada struktur MPI global.

Artikel 2: Kesan Perubahan Parameter Pengukuran MPI

Latar Belakang

Struktur asal MPI 2024 mengekalkan tiga dimensi teras—pendidikan, kesihatan dan taraf hidup—dengan wajaran yang relatif lebih besar bagi indikator pendidikan dan kesihatan (setiap indikator berwajaran satu per enam), manakala indikator taraf hidup masing-masing berwajaran satu per lapan belas. Dalam dimensi pendidikan, indikator jumlah tahun persekolahan menilai ketersisihan apabila semua ahli isi rumah berumur 13 hingga 60 tahun mempunyai kurang daripada enam tahun persekolahan. Indikator kehadiran ke sekolah pula tertumpu kepada kanak-kanak berumur 6 hingga 12 tahun yang tidak bersekolah.

Dalam dimensi kesihatan, indikator akses kepada perkhidmatan kesihatan mentakrifkan ketersisihan sebagai jarak ke kemudahan kesihatan melebihi lima kilometer dan tiada perkhidmatan kesihatan bergerak disediakan, manakala akses kepada bekalan air bersih ditakrifkan melalui liputan bekalan air paip terawat dalam rumah atau melalui paip air awam/pili awam. Dalam dimensi taraf hidup, indikator merangkumi keadaan tempat kediaman, kepadatan bilik, kemudahan tandas, akses kepada kutipan sampah, penggunaan kemudahan pengangkutan dan akses kepada peralatan komunikasi asas, dengan wajaran yang lebih kecil bagi setiap indikator.

Rajah 1: Perbandingan Struktur Asal Dimensi MPI dan Struktur Simulasi

Dimensi		Indikator	Indikator Simulasi	Garis Ketersisihan		Wajaran	
2024	Simulasi 2024			2024	Simulasi 2024	2024	Simulasi 2024
Pendidikan	Pendidikan	Jumlah tahun persekolahan	Jumlah tahun persekolahan	Semua ahli isi rumah di antara 13 hingga 60 tahun mempunyai kurang daripada 6 tahun persekolahan	Semua ahli isi rumah di antara 18 hingga 60 tahun mempunyai kurang daripada 11 tahun persekolahan	1/6	1/8
		Kehadiran ke sekolah	Kehadiran ke sekolah	Kanak-kanak di antara 6 hingga 12 tahun yang tidak bersekolah	Kanak-kanak di antara 6 hingga 17 tahun yang tidak bersekolah	1/6	1/8
Kesihatan	Kesihatan	Akses kepada perkhidmatan kesihatan	Akses kepada perkhidmatan kesihatan	Jarak ke kemudahan kesihatan melebihi 5 km dan tiada perkhidmatan kesihatan bergerak disediakan	Jarak melebihi 5km dan masa melebihi 30 minit ke kemudahan kesihatan dan tiada perkhidmatan kesihatan bergerak disediakan	1/6	1/12
		Akses kepada bekalan air bersih	Akses kepada bekalan air bersih	Selain daripada bekalan air paip terawat dalam rumah dan paip air awam/pili awam	Selain bekalan air paip terawat dalam rumah dan paip air awam/pili awam dan bekalan air minum utama selain daripada air paip yang dirawat dan air paip yang ditapis	1/6	1/12
		n.a.	Akses kepada keterjaminan makanan	n.a.	Jarak melebihi 5km dan melebihi 30 minit untuk pergi ke premis perniagaan	n.a.	1/12
Taraf Hidup	Taraf Hidup	Keadaan tempat kediaman	Keadaan tempat kediaman	Buruk atau mulai buruk	Buruk atau mulai buruk	1/18	1/24
		Kepadatan bilik	Kepadatan bilik	Melebihi 2 ahli isi rumah bagi setiap bilik	Melebihi 2 ahli isi rumah bagi setiap bilik	1/18	1/24
		Kemudahan tandas rumah	n.a.	Selain tandas tarik dan tandas curah	n.a.	1/18	n.a.
		Akses kepada kemudahan kutipan sampah	Akses kepada kemudahan kutipan sampah	Tiada kemudahan kutipan sampah	Tiada kemudahan kutipan sampah	1/18	1/24
		Penggunaan kemudahan pengangkutan	Penggunaan kemudahan pengangkutan	Kesemua ahli isi rumah tidak menggunakan kemudahan pengangkutan persendirian atau kemudahan pengangkutan awam	Kesemua ahli isi rumah tidak menggunakan kemudahan pengangkutan persendirian atau kemudahan pengangkutan awam	1/18	1/24
		Akses kepada peralatan komunikasi asas	Akses kepada peralatan komunikasi asas	Tidak mempunyai telefon talian tetap atau telefon bimbit	Tidak mempunyai radio, televisyen, telefon talian tetap atau telefon bimbit biasa	1/18	1/24
		n.a.	Akses kepada bekalan elektrik	n.a.	Bekalan elektrik tidak dibekalkan atau dibekalkan kurang dari 24 jam sehari	n.a.	1/24
ICT	ICT	n.a.	Akses kepada peranti komunikasi digital	n.a.	Tidak mempunyai telefon bimbit pintar, komputer peribadi, komputer riba dan tablet	n.a.	1/8
		n.a.	Akses kepada internet dan perkhidmatan digital	n.a.	Tidak melanggan internet talian tetap, internet mudah alih dan perkhidmatan digital	n.a.	1/8

Struktur Simulasi 2024 ini mengekalkan dimensi pendidikan, kesihatan dan taraf hidup, tetapi memperluas skop ketersisihan melalui penambahan indikator baharu dan pelarasan definisi indikator sedia ada, di samping penstrukturan semula wajaran. Bagi pendidikan, wajaran setiap indikator diturunkan kepada satu per lapan, tetapi garis ketersisihan diperketatkan: jumlah tahun persekolahan ditakrifkan sebagai ketersisihan apabila ahli isi rumah berumur 18 hingga 60 tahun mempunyai kurang daripada 11 tahun persekolahan, dan indikator kehadiran ke sekolah diperluas kepada kanak-kanak berumur 6 hingga 17 tahun yang tidak bersekolah.

Bagi kesihatan, wajaran bagi setiap indikator menjadi satu per dua belas, dan definisi akses bekalan air bersih diperincikan dengan penekanan kepada air minuman utama selain daripada air paip yang dirawat atau ditapis. Selain itu, simulasi menambah satu indikator baharu berkaitan kebolehcapaian makanan dengan wajaran satu per dua belas, yang memperluas liputan ketersisihan kepada aspek keupayaan mendapatkan makanan mencukupi. Pada dimensi taraf hidup, wajaran indikator dilaras kepada satu per dua puluh empat dan indikator kemudahan tandas digugurkan (tidak berkenaan dalam simulasi), sementara satu indikator baharu iaitu akses kepada bekalan elektrik diperkenalkan (wajaran satu per dua puluh empat).

Definisi komunikasi asas juga disemak kepada ketiadaan radio, televisyen, telefon talian tetap atau telefon bimbit biasa, yang berbeza daripada definisi asal. Di samping itu, simulasi memasukkan dimensi ICT melalui dua indikator—akses kepada peranti komunikasi digital serta akses kepada internet dan perkhidmatan digital—masing-masing berwajaran satu per lapan, yang menjadikan ketersisihan digital sebagai komponen ketara dalam skor keseluruhan.

Struktur simulasi ini menunjukkan beberapa penambahbaikan dari sudut kesesuaian semasa. Pertama, peluasan umur persekolahan (6 hingga 17 tahun) dan garis ketersisihan 11 tahun memberi penekanan kepada penyertaan pendidikan menengah, yang lazimnya berkait rapat dengan peluang pekerjaan, produktiviti dan mobiliti sosial. Kedua, penambahan keterjaminan makanan mengangkat isu keselamatan makanan sebagai dimensi kesejahteraan yang kritikal, terutama bagi isi rumah rentan yang mungkin tidak menunjukkan ketersisihan ketara pada indikator kemudahan asas tetapi masih menghadapi kekurangan aspek pemakanan. Ketiga, dimensi ICT mengiktiraf bahawa akses digital semakin menjadi prasyarat kepada akses perkhidmatan, peluang ekonomi, pembelajaran dan jaringan sokongan; memasukkannya boleh menjadikan MPI lebih responsif terhadap bentuk ketersisihan baharu. Keempat, memasukkan bekalan elektrik

sebagai indikator taraf hidup adalah berpatutan dari sudut hak keperluan asasi, dan boleh membantu mengesan kelompok yang tercicir daripada liputan utiliti.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang wajar dinilai secara kritikal sebelum struktur ini digunakan secara meluas. Pertama, pelarasan wajaran mengubah penekanan relatif antara dimensi: indikator kesihatan dan pendidikan menerima wajaran lebih rendah berbanding struktur asal (daripada satu per enam kepada satu per dua belas dan satu per lapan), manakala komponen ICT diberi wajaran yang agak besar (dua indikator masing-masing satu per lapan). Ini berpotensi mengubah naratif dapatan, iaitu daripada fokus kepada akses kesihatan/air bersih kepada isu keterangkuman digital dan pendidikan menengah. Kedua, beberapa garis ketersisihan baharu adalah lebih ketat dan memerlukan keseragaman data yang tinggi (contohnya definisi air minuman utama serta perincian peranti digital dan jenis internet). Ketiga, pengguguran indikator tandas boleh mengurangkan keupayaan indeks mengesan kekurangan sanitasi jika isu tersebut masih relevan di kawasan tertentu.

Dapatan simulasi

Dapatan simulasi ini membuktikan bahawa perubahan pada pemilihan dimensi, indikator, garis ketersisihan dan garis kemiskinan pelbagai dimensi boleh mengubah dapatan MPI secara ketara. Perubahan tersebut berlaku sama ada melalui pertambahan atau pengurangan saiz kumpulan miskin pelbagai dimensi H, perubahan intensiti ketersisihan A, atau perubahan indikator dominan yang membentuk struktur MPI. Oleh itu, MPI merupakan instrumen diagnostik dasar yang sensitif kepada reka bentuk pengukuran, bukan sekadar angka tunggal yang semula jadi.

Jadual 1: Dapatan MPI di antara Struktur Dimensi Asal dan Struktur Dimensi Simulasi

Simulasi	Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI)	Insiden isi rumah miskin pelbagai dimensi, H (%)	Purata skor ketersisihan isi rumah miskin pelbagai dimensi, A (%)
Indikator baharu bagi tahun 2024, k=0.25	0.0024	0.91	25.97
Indikator asal bagi tahun 2024, k=0.33	0.0025	0.65	38.39
Indikator baharu bagi tahun 2022, k=0.25	0.0109	3.89	28.04
Indikator asal bagi tahun 2022, k=0.33	0.0037	0.94	39.66

Bagi tahun 2024, struktur simulasi ($k = 0.25$) menghasilkan MPI 0.0024, hampir setara dengan struktur asal ($k = 0.33$) iaitu MPI 0.0025. Walau bagaimanapun, kesetaraan pada nilai indeks menyembunyikan perubahan struktur yang jelas pada komponennya: insiden kemiskinan pelbagai dimensi meningkat daripada 0.65 peratus kepada 0.91 peratus, manakala purata skor ketersisihan menurun daripada 38.39 peratus kepada 25.97 peratus. Corak ini membuktikan andaian awalan iaitu apabila garis kemiskinan pelbagai dimensi direndahkan, maka lebih ramai isi rumah yang berada berdekatan garis kemiskinan akan dikelaskan sebagai miskin pelbagai dimensi (H meningkat), tetapi kumpulan miskin yang baharu terbentuk cenderung mempunyai ketersisihan yang lebih sederhana, lalu menurunkan purata intensiti ketersisihan (A).

Bagi tahun 2022, kesan perubahan struktur dan garis kemiskinan adalah lebih drastik. Struktur simulasi menghasilkan MPI 0.0109 berbanding 0.0037 bagi struktur asal. Peningkatan ini dipacu terutamanya oleh lonjakan insiden (H) daripada 0.94 peratus kepada 3.89 peratus, walaupun intensity ketersisihan (A) menurun daripada 39.66 peratus kepada 28.04 peratus. Dapatan ini mengesahkan bahawa apabila wujud indikator baharu yang ketersisihannya lebih meluas dalam populasi serta garis kemiskinan k direndahkan, bilangan isi rumah yang melepasi garis kemiskinan pelbagai dimensi boleh meningkat dengan besar sehingga menaikkan nilai MPI walaupun purata ketersisihan menurun.

Perubahan struktur indikator turut dapat dilihat melalui pecahan sumbangan peratusan MPI mengikut indikator. Dalam struktur asal, MPI didominasi oleh dua indikator kesihatan bagi kedua-dua tahun: akses kepada perkhidmatan kesihatan dan akses kepada bekalan air bersih menyumbang 74.84 peratus pada 2022 (34.19% dan 40.65%) serta 71.91 peratus pada 2024 (34.03% dan 37.88%). Sebaliknya, dalam set simulasi, struktur dominan beralih kepada indikator ICT yang tidak wujud dalam set asal. Pada 2022, akses kepada peranti komunikasi digital menyumbang 28.0 peratus dan akses kepada internet/perkhidmatan digital 31.2 peratus (jumlah dimensi ICT 59.2%). Pada 2024, sumbangan ICT kekal besar tetapi menurun kepada 39.8 peratus (22.6% bagi peranti digital dan 17.2% bagi internet/perkhidmatan digital). Pada masa yang sama, indikator sekuriti makanan turut menjadi lebih ketara, meningkat daripada 4.55 peratus (2022) kepada 8.4 peratus (2024).

Jadual 2: Peratusan MPI mengikut Indikator di antara Struktur Dimensi Asal dan Struktur Dimensi Simulasi

Indikator	Sumbangan peratusan (%)			
	Indikator asal	Indikator simulasi	Indikator asal	Indikator simulasi
Jumlah tahun persekolahan	4.63	5.35	6.60	3.50
Kehadiran ke sekolah	3.24	2.69	3.20	8.10
Akses kepada perkhidmatan kesihatan	3.24	7.13	34.03	14.00
Akses kepada bekalan air bersih	40.65	7.44	37.88	5.20
Akses kepada sekuriti makanan	-	4.55	-	8.40
Kedaaan tempat kediaman	2.37	2.06	2.39	2.70
Kepadatan bilik	2.92	1.65	3.02	3.20
Akses kepada kemudahan kutipan sampah	11.30	7.29	11.25	10.20
Penggunaan kemudahan pengangkutan	0.21	0.63	0.39	1.40
Akses kepada peralatan komunikasi asas	0.20	0.96	0.70	2.30
Akses kepada bekalan elektrik	-	1.00	-	1.40
Akses kepada peranti komunikasi digital	-	28.00	-	22.60
Akses kepada internet dan perkhidmatan digital	-	31.2	-	17.20
*Kemudahan tandas rumah	0.29	-	0.54	-

Article 1: Income as a Dimension in Malaysia's MPI

Background

The Global MPI is an international multidimensional poverty measure that assesses household deprivations across three core dimensions: education, health, and living standards. Each dimension is assigned an equal weight (1/3) and is broken down into 10 indicators. A household is classified as multidimensionally poor when its weighted deprivation score reaches or exceeds one-third of the total weight, and the MPI is formulated as $H \times A$, combining the extent of poverty (incidence) and the intensity of deprivation among poor households.

MPI is flexible in terms of the choice of dimensions, indicators, deprivation cut-offs, and weights, as it is designed to align poverty measurement with local realities and a country's policy priorities. This adaptability is important because deprivation patterns are not uniform across countries, and they also differ by state, stratum, and household groups within the same country. Accordingly, adding an income dimension can be accepted as a context-based methodological adaptation for Malaysia—to complement the picture of non-income poverty with a component of financial deprivation—without undermining MPI's function as a multidimensional diagnostic tool.

Within this flexible framework, income can be considered as an additional dimension because it reflects a household's basic capability to meet minimum living needs, particularly in an environment of changing living costs. Although MPI typically emphasises non-financial indicators, the role of an income indicator is not to replace those dimensions, but to complement them by identifying households that lack financial resources even when some non-income indicators appear adequate. In doing so, MPI can reduce the risk that households facing genuine financial stress are not detected through non-income indicators alone—especially in areas where basic services are more widely available, but spending capacity and financial resilience remain weak.

For identifying income deprivation, using the Poverty Line Income (PLI) as the deprivation cut-off is appropriate because the PLI is an official benchmark developed based on minimum basic needs, and it is widely used for poverty measurement and determining eligibility for assistance programmes. By defining a household as deprived when its

household income is below the PLI, the indicator becomes clear, transparent, and easily understood by the public.

This article assesses the effect of including an income indicator as an additional component alongside the education, health, and living standards dimensions, defining a household as deprived when its monthly household gross income is below the PLI. For consistent comparison, the multidimensional poverty cut-off (k) is maintained at 0.33 for both the original structure and the alternative structure (with the added income component), while indicator weights are adjusted to incorporate income as a new indicator.

Weighting design and implications for identifying poor households

In this article, income is assigned a weight of one-quarter, and the weights of other indicators are reallocated. Income deprivation contributes a substantial score but still requires at least one additional deprivation to exceed the 0.33 poverty cut-off. Thus, households deprived in income and also deprived in education or health are more likely to be classified as multidimensionally poor. Conversely, some households previously classified as poor based solely on combined living-standard deprivations may no longer cross the cut-off when non-income indicator weights are reduced. Hypothetically, classification changes therefore depend on the degree of overlap between income poverty (PLI) and non-income deprivations.

This structural change affects the three core measures: the incidence of multidimensional poverty (H), the average deprivation score among poor households (A), and the MPI value ($H \times A$). H may increase if many households are below the PLI and also have at least one additional deprivation, or decrease if some previously poor households no longer meet the cut-off due to weight adjustments. A may rise if the poor group experiences multiple deprivations, or fall if many newly poor households only just exceed the cut-off.

Results of the Calculation with the Income Dimension**Table 1: MPI Index and Percentage by Indicator**

Dimension	Indicator	weights		MPI by Indicator							
		simulation	current	Absolute contribution				Percentage contribution (%)			
				simulation 2022	2022	simulation 2024	2024	simulation 2022	2022	simulation 2024	2024
Education	Years of schooling	1/8	1/6	0.0001	0.0002	0.0001	0.0001	1.27	6.60	1.15	4.63
	School attendance	1/8	1/6	0.0002	0.0001	0.0001	0.0001	2.22	3.20	2.26	3.24
Health	Access to health services	1/8	1/6	0.0007	0.0013	0.0003	0.0009	9.18	34.03	6.06	34.19
	Access to clean water	1/8	1/6	0.0011	0.0014	0.0008	0.0010	13.92	37.88	15.54	40.65
Living Standard	Condition of living quarters	1/24	1/18	0.0002	0.0001	0.0001	0.0001	2.48	2.39	2.13	2.37
	Room crowdedness	1/24	1/18	0.0004	0.0001	0.0003	0.0001	5.17	3.02	5.33	2.92
	Access to garbage collection facility	1/24	1/18	0.0000	0.0000	0.0000	0.0000	0.42	0.54	0.25	0.29
	Usage of transportation facilities	1/24	1/18	0.0006	0.0004	0.0004	0.0003	7.49	11.25	7.38	11.30
	Access to basic communication facility	1/24	1/18	0.0000	0.0000	0.0000	0.0000	0.21	0.39	0.05	0.21
	Condition of living quarters	1/24	1/18	0.0000	0.0000	0.0000	0.0000	0.37	0.70	0.17	0.20
Income	Monthly household gross income	1/4	-	0.0045	-	0.0031	-	57.28	-	59.65	-
Total		1	1	0.0079	0.0037	0.0051	0.0025	100.00	100.00	100.00	100.00

From a year-on-year perspective, the MPI under the original structure declined from 0.0037 in 2022 to 0.0025 in 2024 (a decrease of 0.0012). Under the alternative MPI structure that adds an income dimension, the MPI fell from 0.0079 to 0.0051 (a decrease of 0.0028). This gap indicates that when income is included with a one-quarter weight, the MPI becomes larger in magnitude and more sensitive to the financial component, alongside the reweighting of non-income indicators.

In terms of absolute contribution, the MPI decline in the original structure was driven mainly by health indicators: the contribution of access to healthcare services fell from 0.0013 (2022) to 0.0009 (2024), while access to clean water supply declined from 0.0014 to 0.0010—each dropping by 0.0004. Smaller declines were also observed for years of schooling (0.0002 to 0.0001) and access to waste collection services (0.0004 to 0.0003). In the alternative structure, the main driver of the decline was the income indicator, which fell from 0.0045 in 2022 to 0.0031 in 2024 (a decrease of 0.0014), followed by declines in access to healthcare services (0.0007 to 0.0003, down 0.0004) and access to clean water supply (0.0011 to 0.0008, down 0.0003), with smaller reductions in waste collection (0.0006 to 0.0004) and Room crowdedness (0.0004 to 0.0003).

In terms of percentage contribution, the original structure remained dominated by health components. In 2022, access to healthcare services contributed 34.03 per cent and access to clean water supply 37.88 per cent; in 2024, the respective shares were 34.19 per cent and 40.65 per cent, making clean water increasingly dominant in the original MPI structure despite the overall decline in MPI. By contrast, the alternative structure was heavily concentrated in income, with its percentage contribution rising from 57.28 per cent (2022) to 59.65 per cent (2024). Over the same period, the percentage contribution of access to healthcare services fell from 9.18 per cent to 6.06 per cent, while clean water increased from 13.92 per cent to 15.54 per cent.

Overall, these results show that the original structure sustains a narrative of MPI reduction driven largely by improvements in health indicators (particularly access to clean water), whereas the alternative structure shifts the index's sensitivity towards changes in income poverty relative to the PLI. In conclusion, measuring MPI with an income dimension provides an option for MPI users to conduct comparisons while maintaining a dimension scope that can be contrasted with the Global MPI structure.

Article 2: Effects of Changes in MPI Measurement Parameters

Background

The original MPI 2024 structure maintains three core dimensions—education, health, and living standards—with relatively higher weights assigned to education and health indicators (each indicator weighted at one sixth), while each living standards indicator is weighted at one eighteenth. Within the education dimension, the years of schooling indicator defines deprivation when all household members aged 13 to 60 have fewer than six years of schooling. The school attendance indicator focuses on children aged 6 to 12 who are not attending school.

Within the health dimension, the access to health services indicator defines deprivation as living more than five kilometres from a health facility with no mobile health service provided, while access to clean water supply is defined through access to treated piped water within the home or via public water pipes/standpipes. Under the living standards dimension, the indicators include housing condition, room crowding, toilet facilities, access to waste collection services, use of transportation facilities, and access to basic communication equipment, with smaller weights assigned to each indicator.

Figure 1: Comparison of the Original MPI Dimension Structure and the Simulated Structure

Dimension		Indicator	Simulation Indicator	Deprivation Cut-off		weights	
2024	Simulation 2024			2024	Simulation 2024	2024	Simulation 2024
Education	Education	Years of schooling	Years of schooling	All household members aged between 13 to 60 years have less than 6 years of education	All household members aged between 18 to 60 years have less than 11 years of education	1/8	1/8
		School attendance	School attendance	Any children aged between 6 to 12 years not schooling	Any children aged between 6 to 17 years not schooling	1/8	1/8
Health	Health	Access to health services	Access to health services	Distance to health institutions more than 5 km and no mobile health services	A distance of more than 5km and travel time exceeding 30 minutes to health facilities, with no mobile health services provided	1/8	1/12
		Access to clean water	Access to clean water	Besides piped water within the house and public/community piped water supply	Besides piped water within the house and public/community piped water supply, as well as the main source of drinking water other than treated piped water and filtered piped water	1/8	1/12
		n.a.	Access to food security	n.a.	The distance is more than 5 km and it takes more than 30 minutes to go to the business premises	n.a.	1/12
Living standard	Living standard	Condition of living quarters	Condition of living quarters	Dilapidated or deteriorating	Dilapidated or deteriorating	1/24	1/24
		Room crowdedness	Room crowdedness	More than 2 household members in a bedroom	More than 2 household members in a bedroom	1/24	1/24
		Dwelling toilet facility	n.a.	Other than pour or flush toilets.	n.a.	1/24	n.a.
		Access to garbage collection facility	Access to garbage collection facility	No garbage collection facility	No garbage collection facility	1/24	1/24
		Usage of transportation facilities	Usage of transportation facilities	All members in the household do not use private or public transport	All members in the household do not use private or public transport	1/24	1/24
		Access to basic communication facility	Access to basic communication facility	Did not own fixed-line telephone or a mobile phone	Did not own radio, television, fixed-line telephone or feature phone	1/24	1/24
		n.a.	Access to electric supply	n.a.	Electricity supply is not supplied or supplied less than 24 hours a day	n.a.	1/24
Income	Income	Monthly household gross income	n.a.	Monthly household gross income less than mean household Poverty Line Income (PLI)	n.a.	1/4	n.a.
ICT	ICT	n.a.	Access to digital communication devices	n.a.	Did not own smartphone, personal computer, laptop and tablet	n.a.	1/8
		n.a.	Access to internet and digital services	n.a.	Did not subscribing fixed-line internet, mobile internet and digital services subscription	n.a.	1/8

The Simulated 2024 structure in this version retains the education, health, and living standards dimensions, but broadens the scope of deprivation through the addition of new indicators and revisions to existing indicator definitions, alongside a restructuring of weights. For education, the weight of each indicator is reduced to one eighth, while deprivation thresholds are tightened: years of schooling is defined as deprivation when household members aged 18 to 60 have fewer than 11 years of schooling, and the school attendance indicator is expanded to cover children aged 6 to 17 who are not attending school.

For health, the weight of each indicator becomes one twelfth, and the definition of access to clean water supply is further specified, with emphasis on the main drinking water source other than treated or filtered piped water. In addition, the simulation introduces a new food security-related indicator (shown as access to food security) with a weight of one twelfth, extending deprivation coverage to the ability to obtain sufficient food. Under the living standards dimension, indicator weights are adjusted to one twenty-fourth and the toilet facility indicator is dropped (not applicable in the simulation), while a new indicator—access to electricity supply—is introduced (weighted at one twenty-fourth).

The definition of basic communication is also revised to the absence of a radio, television, landline telephone, or a basic mobile phone, which differs from the original definition. Furthermore, the simulation adds an ICT dimension through two indicators—access to digital communication devices and access to the internet and digital services—each weighted at one eighth, making digital deprivation a substantial component of the overall score.

This simulated structure offers several improvements in terms of contemporary relevance. First, expanding the school-age range (6 to 17 years) and setting the deprivation threshold at 11 years of schooling place stronger emphasis on secondary education participation, which is closely linked to employment opportunities, productivity, and social mobility. Second, introducing food security elevates it as a critical well-being dimension, especially for vulnerable households that may not show pronounced deprivations in basic amenities but still face nutritional shortfalls. Third, the ICT dimension recognises that digital access is increasingly a prerequisite for accessing services, economic opportunities, learning, and support networks; including it can make the MPI more responsive to emerging forms of deprivation. Fourth, adding electricity supply as a living standards indicator is justified from

the perspective of basic needs rights and can help detect groups that remain outside utility coverage.

Nevertheless, several issues warrant critical assessment before this structure is applied more broadly. First, the reallocation of weights changes the relative emphasis across dimensions: health and education indicators receive lower weights than in the original structure (from one sixth to one twelfth and one eighth), while the ICT components are assigned comparatively large weights (two indicators each at one eighth). This has the potential to shift the policy narrative from health/clean water access toward digital inclusion and secondary education. Second, some new deprivation thresholds are more stringent and require a high degree of data consistency (for example, definitions of main drinking water sources as well as detailed classification of digital devices and types of internet access). Third, dropping the toilet facility indicator may reduce the index's ability to detect sanitation-related deficits if such issues remain relevant in certain areas.

Simulation findings

The simulation results demonstrate that changes in the selection of dimensions, indicators, deprivation thresholds, and the multidimensional poverty cut-off can substantially alter MPI outcomes. These changes may occur through an increase or decrease in the size of the multidimensionally poor group (H), changes in deprivation intensity (A), or shifts in the dominant indicators that shape the MPI structure. Therefore, the MPI should be understood as a policy diagnostic instrument that is sensitive to measurement design, rather than as a single “natural” number.

Table 1: MPI Findings between the Original Dimension Structure and the Simulated Dimension Structure

Simulation	Multidimensional Poverty Index (MPI)	Incidence of multidimensionally poor households, H (%)	Average deprivation score of multidimensionally poor households, A (%)
New indicator for 2024, $k=0.25$	0.0024	0.91	25.97
Current indicator for 2024, $k=0.33$	0.0025	0.65	38.39
New indicator for 2022, $k=0.25$	0.0109	3.89	28.04
Current indicator for 2022, $k=0.33$	0.0037	0.94	39.66

For 2024, the simulated structure ($k = 0.25$) produced an MPI of 0.0024, which is broadly comparable to the original structure ($k = 0.33$) with an MPI of 0.0025. However, this similarity in the headline index masks a clear structural shift in its underlying components: the incidence of multidimensional poverty increased from 0.65 per cent to 0.91 per cent, while the average deprivation score declined from 38.39 per cent to 25.97 per cent. This pattern supports the initial expectation that when the multidimensional poverty cut-off is lowered, more households located near the poverty threshold are classified as multidimensionally poor (H increases), but the newly included poor group tends to exhibit more moderate deprivations, thereby reducing the average intensity of deprivation (A).

